



SIARAN MEDIA

KARNIVAL ALAM KITA PERKUKUH KESEDARAN KOMUNITI MENJAGA ALAM SEKITAR

Karnival Alam Kita (KAK) anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) merupakan program turun padang NRES untuk memperkukuh kesedaran dan tindakan orang ramai dalam menjaga alam sekitar menerusi amalan gaya hidup hijau.

“Karnival Alam Kita membawa mesej bahawa kelestarian alam bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi milik setiap rakyat Malaysia. Kita semua berperanan menjaga bumi yang kita warisi ini. Perubahan besar bermula dengan langkah kecil kurangkan penggunaan plastik, tanam pokok, dan pelihara sungai kita,” kata Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK), Datuk Chan Foong Hin yang membacakan teks ucapan Menteri KPK memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani pada majlis perasmian program ini peringkat negeri Sabah di Membakut, Sabah.

Hadir sama, Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ahli Parlimen Kimanis merangkap Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Mohamad Alamin. Ujar beliau, NRES sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh keseimbangan antara pembangunan ekonomi, sosial dan pemuliharaan alam.

“Antara agenda utama NRES termasuk pelaksanaan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) bagi memperkukuh tadbir urus alam sekitar; *National Biodiversity Strategy and Action Plan* (NBSAP) bagi memperluas perlindungan biodiversiti dan mempertingkatkan pengurusan kawasan perlindungan; serta Pelan Tindakan Iklim Negara bagi mempercepatkan usaha mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim,” katanya lagi.

Tambah beliau, Malaysia turut memperkukuh kedudukannya di peringkat antarabangsa melalui penyertaan aktif dalam pelbagai perjanjian dan konvensyen global seperti Protokol Montreal, Konvensyen Paris (UNFCCC) dan Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD).

Komitmen ini diterjemahkan ke dalam tindakan di lapangan melalui projek-projek nyata seperti pemulihan hutan paya bakau, pemeliharaan kawasan tadahan air, pengurangan pelepasan karbon serta perlindungan spesies terancam.

“Komitmen Malaysia bukan hanya di atas kertas. Ia diterjemahkan melalui program di lapangan yang memberi kesan langsung kepada komuniti dan alam sekitar. Kita perlu memastikan pembangunan negara terus berlaku dengan mengambil kira keseimbangan ekologi,” katanya.

Tambah beliau, Sabah sebagai antara negeri yang paling kaya dengan khazanah semula jadi di dunia, dengan pelbagai ekosistem unik meliputi hutan tropika, gunung-ganang dan kawasan marin bertaraf dunia.

Beliau menegaskan bahawa kekayaan biodiversiti ini perlu terus dipelihara daripada ancaman kehilangan habitat, perubahan iklim, aktiviti penerokaan tidak terkawal serta pencemaran. Beliau turut menyeru agar usaha membina kesedaran terhadap kepentingan menjaga alam sekitar bermula dari rumah dan sekolah.

KAK merupakan program tahunan NRES dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS), agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta sektor swasta.

Karnival ini turut menampilkan pelbagai pengisian menarik seperti bengkel pendidikan alam sekitar, seminar kesedaran biodiversiti, aktiviti gotong-royong komuniti, pameran interaktif, pertandingan lestari dan aktiviti mesra keluarga.

Penganjurannya di Sabah tahun ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk memperkukuh penglibatan masyarakat dalam menjayakan agenda kelestarian dan penjagaan alam sekitar di seluruh negara.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
1 NOVEMBER 2025

